

Mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia ambil keberkatan Ramadan

1M4U kukuh aktiviti sukarela

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 6 Ogos - Kumpulan mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai dekat sini yang menyertai Program 1M4U USIM tidak mahu ketinggalan mengambil keberkatan pada Ramadan ini dengan mengadakan program bersama masyarakat setempat.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, **Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin**



Dollah berkata, program 1M4U ini amat berjaya menarik penyertaan mahasiswa dalam pelbagai program kesukarelaan yang telah diadakan di seluruh negara.

“Kita dapati program yang diwujudkan oleh kerajaan amat berjaya untuk menggalakkan dan mengukuhkan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelaan melalui pendekatan yang lebih proaktif,” katanya di Nilai, baru-baru ini.

Sehubungan itu, katanya, 1M4U USIM telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan majlis berbuka puasa bersama anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Asnaf Murni dan Murad Foundation yang berumur antara 2 dan 17 tahun

di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Murad Foundation, Prof. Datuk Abdul Murad Ahmad serta kakitangan USIM dan 1M4U Malaysia.

“Saya melihat platform 1M4U ini amat bersesuaian untuk kita menyemarakkan semangat kesukarelaan kepada anak muda.

“Semangat dan sumbangan yang diberikan oleh mahasiswa 1M4U USIM dapat diteruskan walaupun telah tamat pengajian kelak, jadikan satu budaya dan amalan, bukannya kerja yang

bermusim,” kata Mohamed Asin.

Selain berbuka puasa, anak-anak yatim itu turut menerima sumbangan hamper dan cenderamata daripada 1M4U USIM.

Dalam pada itu, wakil pelajar, **Mohd. Izzat Mohd Zafri** dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) yang aktif dalam 1M4U USIM memberitahu, mereka telah bergotong-ro Yong bagi menyediakan bubur lambuk dan diedarkan kepada para pengunjung bazar Ramadan sekitar Nilai.